

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN
[SUNGAI BULOH]**

TARIKH : 21 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN [SUNGAI BULOH] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah bas pengantara akan digandakan di stesen-stesen termasuk penambahan laluan bas '*feeder*' kerana masih ada penumpang yang masih menggunakan khidmat 'grab' dari stesen ke rumah dan ini hanya merugikan sebaliknya dari segi kos akhir walaupun pas bulanan yang sedia ada adalah menguntungkan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kedua-dua perkhidmatan *ehailing*, teksi dan perkhidmatan bas *feeder* atau bas pengantara merupakan mod pengangkutan yang penting dan merupakan alternatif pilihan utama buat penumpang atau pengguna perkhidmatan pengangkutan awam. Penumpang mempunyai pilihan untuk menggunakannya berdasarkan keperluan masing-masing.

2. Dalam situasi semasa, bagi penumpang yang boleh mengikuti jadual perjalanan yang disediakan secara berjadual dan sistematik maka mod perkhidmatan bas pengantara akan menjadi pilihan mereka. Manakala sekiranya penumpang tidak mahu mengikuti jadual perjalanan yang ditetapkan dan memerlukan perkhidmatan yang lebih khusus dan lebih peribadi tertakluk kepada keperluan, penumpang boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan *ehailing* atau teksi. Oleh itu, pengguna mempunyai kuasa untuk memilih mana-mana mod pengangkutan yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing.

3. Pada ketika ini kita mempunyai sebanyak 461 buah bas *feeder* di beberapa laluan termasuk di LRT Ampang/Sri Petaling Line di mana terdapat 16 laluan bas pengantara melibatkan 37 buah bas, di LRT Kelana Jaya Line sebanyak 32 laluan bas pengantara melibatkan 77 buah bas, di MRT Kajang Line terdapat 51 laluan bas pengantara dengan 117 buah bas, MRT Putrajaya Fasa 1 terdapat 18 laluan bas pengantara yang melibatkan 40 buah bas, MRT Putrajaya Fasa 2 yang akan dibuka tidak lama lagi, kita akan bekalkan 68 buah bas pengantara manakala di sekitar stesen-stesen KTM Komuter terdapat 29 laluan bas pengantara melibatkan 122 buah bas yang juga berkhidmat sebagai bas *feeder* di kawasan-kawasan ini.

Sekian, terima kasih.